

04/04/1997

Jerman sedia bantu latih tenaga mahir

KUALA LUMPUR, Khamis - Jerman bersedia membantu Malaysia melahirkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang profesional, khususnya kejuruteraan, kata Presidennya, Prof Dr Roman Herzog.

Selain mewujudkan cawangan pusat latihan vokasional dan latihan kemahiran di negara ini, beliau berkata bantuan itu juga diadakan dalam bentuk usaha sama seperti Institut Jerman-Malaysia yang berpusat di Cheras, dekat sini.

Prof Herzog berkata, usaha sama itu diadakan selaras dengan kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang beranggapan Jerman mendahului Malaysia dalam pelbagai bidang teknologi.

"Kita tidak menyedari ada keperluan begini di Malaysia kerana negara ini sudah membangun dengan pesat.

"Bagaimanapun, kita bersedia membantu.

"Kita akan mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam sekembalinya ke Jerman dan menyediakan kertas kerja mengenainya," katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.

Prof Herzog, 63, dalam rangka lawatan rasmi pertamanya ke negara ini tiba Selasa lalu.

Beliau diiringi delegasi 100 anggota termasuk bintang bola sepak, Franz Beckenbauer dan ahli perniagaan Jerman.

Prof Herzog juga menjangkakan pelaburan Jerman di Malaysia meningkat berikutan ahli perniagaan Jerman berpuas hati dengan persekitaran perdagangan di negara ini.

(END)